

# 08

## Keberkesanan Strategi 3S Dalam Membina Kemahiran Berfikir Bagi Menjana Idea Penulisan

Sekolah Rendah North View



**Sri Syazwani Mohd Yazid**

sri\_syazwani\_mohd\_yazid@  
schools.gov.sg



**Siti Nor Amilin Haji**

siti\_nor\_amilin\_haji@schools.gov.sg

## Abstrak

Penulisan merupakan aspek penting dalam pembelajaran bahasa. Seringkali dalam penulisan karangan, murid tidak dapat mengembangkan isi dan menghubungkan peristiwa dalam gambar bersiri. Kajian eksperimen yang menerapkan strategi '3S' (Sebelum-Sekarang-Selepas) telah dilaksanakan bertujuan untuk membantu murid mengembangkan idea dan menghubungkan peristiwa-peristiwa dalam penulisan karangan. Pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas (*Making Thinking Visible*) yakni rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya (*See-think-wonder*) diterapkan bagi merangsang murid untuk berfikir secara mendalam. Penggunaan strategi pengajaran ini dijalankan melalui portal SLS. Guru dapat memantau proses pemikiran murid dan memberikan maklum balas secara langsung. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi dan pendekatan ini dapat membantu murid menjana idea dan menulis isi karangan yang lebih padat dan berkualiti.

Kata Kunci: idea, strategi 3S, karangan, gambar bersiri



## PENGENALAN

Kemahiran menulis memerlukan murid membina ayat dan menjana idea bagi pelbagai jenis genre penulisan. Penjanaan idea dan pembinaan ayat ini sering melibatkan hal-hal yang berkaitan dengan pengalaman peribadi dan pengetahuan sedia ada seseorang murid. Penulisan yang baik memerlukan kemahiran menulis yang kreatif dengan menggunakan daya imaginasi.

Pada peringkat Darjah 5, murid-murid seharusnya memiliki kemahiran menulis teks jenis naratif. Oleh yang demikian, peranan guru di dalam bilik darjah menjadi begitu penting dan kritikal dalam memastikan murid-murid dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran berbahasa yang diperlukan. Guru harus berusaha melakar strategi atau pendekatan yang sesuai dengan keperluan pembelajaran murid agar dapat memupuk kemahiran menulis yang baik dalam kalangan murid.

## PERNYATAAN MASALAH

Hasil daripada penelitian yang dilakukan terhadap hasil karangan yang dihasilkan oleh murid, bahagian isi karangan murid didapati terlalu singkat dan tidak berkesinambungan antara satu perenggan dengan perenggan seterusnya. Murid didapati gagal menerangkan bahagian-bahagian yang tidak dipaparkan dalam gambar bersiri yang diberikan. Perkara ini mengganggu keseluruhan penceritaan karangan kerana murid tidak mengaitkan peristiwa antara dua gambar. Murid didapati seringkali menulis apa yang dilihat sahaja tanpa meneliti gambar bersiri secara mendalam. Hal ini menjadikan idea mereka tidak mencukupi bagi menghasilkan satu penceritaan yang baik.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti keberkesanan strategi 3S bagi menambah nilai isi karangan; dan
2. meneliti keberkesanan pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Thinking Visible* (MTV) dalam menjana idea bagi penulisan karangan.

## KAJIAN LEPAS

Ada banyak aplikasi ICT yang mampu menyokong pembelajaran berpusatkan murid. Seperti yang dinyatakan dalam lelaman Amalan Pengajaran Singapura (STP), alat Web 2.0 dapat memberi peluang kepada murid untuk berkongsi idea, mengungkapkan pengetahuan, meneroka dan memproses maklumat jika pengajaran dapat dirancang dengan baik (Jonassen, D.H., Peck, K.L., & Wilson, B.G., 1999). Guru harus memanfaatkan penggunaan alat Web 2.0 dengan menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai, berkesan dan mampu memupuk minat murid dalam pelajaran. Murid harus diberikan peluang meneroka bahan-bahan bukan bercetak bagi mendapatkan informasi dan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam aktiviti bahasa (CPDD, 2014).

Dengan menggunakan pendekatan *Making Thinking Visible* atau Menjadikan Pemikiran Jelas, guru dapat membimbing murid melakukan proses pemikiran secara jelas dan sistematik (Shari Tishman dan Patricia Palmer, 2005). Pendekatan ini sudah terbukti mampu menggalakkan murid memproses informasi secara tersusun dan aktif serta dapat memandu proses pemikiran mereka. Menurut Ron Ritchhart dan David Perkins (2005), pemikiran yang baik dan peluasan idea yang jelas dapat disokong dengan penggunaan rutin berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Melalui penggunaan kaedah rutin berfikir, guru dapat meneroka apa yang murid fikirkan. Guru juga dapat memantau proses dan hasil pemikiran murid. Kemudian, guru boleh bertindak untuk memberi maklum balas secara langsung kepada mereka.

Oleh yang demikian, menerusi pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas dan penggunaan rutin berfikir 'Lihat-Fikir-Tanya', mampu menggalakkan murid meningkatkan pembelajaran secara kognitif dan visual dalam platform SLS iaitu salah satu alat Web 2.0. Kajian ini diharapkan dapat membantu murid menjana idea supaya dapat menghasilkan sebuah karangan yang menunjukkan kematangan murid berfikir secara mendalam.

## KAEDAH KAJIAN

Kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kajian ini dijalankan menggunakan portal SLS dengan menerapkan fungsi *Interactive Thinking Tools*. Guru dapat memantau secara langsung dan memberikan maklum balas yang dapat

dijadikan perancah untuk murid menjana idea. Lembaran kerja juga dihasilkan bagi membantu murid dalam peralihan dari ICT ke aplikasi penulisan. Menerusi pembelajaran yang dilaksanakan, murid dapat melihat gambaran keseluruhan proses pembelajaran yang dilalui. Data kemudiannya dikumpulkan melalui hasil kerja yang dihasilkan oleh murid.


Pengkaji telah menerapkan elemen-elemen STP dalam pelajaran yang dirancang dan dilaksanakan. Sila rujuk Jadual 1 bagi perincian penerapan STP dalam perancangan pelajaran.

**Jadual 1: Penerapan STP dalam Kajian**

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP14: Merangsang Minat	AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan Guru menayangkan klip video cerita pendek. Guru akan menghentikan video sebentar dan mula bertanya murid tentang soalan 3S. Contoh: Apakah yang akan berlaku selepas ini?
	AP16: Menggunakan Fleksibiliti	AM2: Memberikan tahap perancah yang diperlukan Guru memperkenalkan strategi 3S dan kaedah rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Guru membimbing murid menyelesaikan tugasan di SLS dengan memberikan maklum balas.
	AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar	AM1: Ulang-Jelaskan-Faham Semasa murid melakukan tugasan di SLS atau melalui lembaran, guru sebagai pemantau memilih beberapa contoh kerja murid dan pameran di skrin. Guru dapatkan murid menerangkan apa yang ingin mereka katakan. Kemudian, guru cuba memahami dan berikan maklum balas supaya murid dapat perbaiki kerja mereka.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM1: Maklum Balas dalam Bentuk Komen Sahaja Guru sering memberi maklum balas dalam bentuk penulisan dan lisan. Murid dapat kenal pasti bahagian-bahagian yang perlu mereka perbaiki berdasarkan maklum balas yang diberikan.
Penerangan dan Justifikasi	Aspek pengajaran dan aktiviti mengajar yang dipilih disesuaikan dengan kajian ini. Aspek pengajaran ini digunakan untuk melibatkan murid secara aktif dalam proses pemikiran dan penjanaan idea. Aspek mengajar yang dipilih pula diharapkan dapat membantu murid dalam menghuraikan idea dan pandangan secara aktif dan kreatif.	

Rajah 1 berikut merupakan Peta Reka Bentuk pelajaran menggunakan platform SLS sebagai wadah PdP. Dalam pelajaran ini, murid secara individu melaksanakan aktiviti pembelajaran yang dirancang dalam SLS.

Rajah 1: Peta Reka Bentuk Pembelajaran



## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 33 orang murid Darjah 5 yang terdiri daripada murid melebihi aras kebolehan dan murid aras kebolehan. Pemilihan subjek bagi kajian ini berdasarkan kepada keperluan murid untuk menghasilkan karangan yang bermutu tinggi.

## Instrumen Kajian


Instrumen kajian yang telah digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut

### 1. Data praujian dan pascakajian

Data praujian dan pascakajian telah digunakan dalam kajian ini agar pengkaji dapat melihat sejauh mana penggunaan strategi 3S melalui kaedah rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dapat mempertingkatkan pencapaian murid dalam bahagian penulisan isi karangan. Data daripada kedua-dua praujian dan pascakajian telah dikumpulkan. Kemudian, perbandingan markah telah dilakukan bagi bahagian isi karangan sahaja.

### 2. Gambar bersiri untuk karangan

Gambar bersiri yang sama diberikan kepada murid semasa praujian dan pascakajian agar ujian yang dijalankan itu sah. Semasa murid melakukan praujian, guru tidak memberi bimbingan. Setelah praujian dijalankan,



pembelajaran menulis berikutnya menggunakan gambar karangan yang berbeza dengan tujuan untuk melatih dan membiasakan murid dengan strategi 3S dan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya.

### 3. Pembelajaran dalam portal SLS

Pembelajaran di portal SLS dijalankan untuk mengajar murid tentang strategi 3S dengan menggunakan kaedah Lihat-Fikir-Tanya. Gambar karangan bersiri dipecahkan kepada beberapa bahagian kecil. Dalam setiap halaman, murid diminta mengisi templat Lihat-Fikir-Tanya dengan menjawab soalan-soalan yang tertera yang disediakan. Kaedah rutin berfikir yang digunakan ini membantu proses pemikiran murid dalam menjana idea bagi isi atau plot karangan.

### 4. Lembaran Lihat-Fikir-Tanya

Lembaran kerja kaedah Lihat-Fikir-Tanya dalam saiz A3 yang membolehkan murid menulis isi-isi karangan mereka dengan menjawab soalan-soalan yang tertera telah digunakan. Soalan-soalan yang ditanya sama dengan soalan-soalan yang terdapat dalam portal SLS juga. Soalan-soalan itu dapat merangsang pemikiran murid dan membantu murid berfikir dengan cara yang lebih mendalam dan berstruktur. Lembaran ini digunakan setelah murid selesai menggunakan strategi 3S melalui kaedah rutin berfikir tersebut dalam portal SLS.

### 5. Skala Ukuran

Skala ukuran digunakan untuk mendapatkan maklum balas murid mengenai penggunaan strategi 3S dan kaedah rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Berdasarkan dapatan daripada maklum balas murid, tindakan susulan yang sesuai untuk memperbaiki pengajaran seterusnya telah dilaksanakan. Murid-murid yang memerlukan bimbingan selanjutnya telah dikenal pasti dan diberikan sokongan yang diperlukan.

## Prosedur Kajian

Dalam pelaksanaan kajian, putaran kajian yang sistematik telah dilaksanakan. Putaran kajian ini melibatkan sesi praujian/pascaujian, pengenalan Strategi 3S dan rutin berfikir 'Lihat-Fikir-Tanya', pembelajaran di SLS, pembelajaran menggunakan lembaran kerja, dan maklum balas murid. Sila lihat Rajah 2 bagi putaran kajian yang dilaksanakan.

## Rajah 2: Putaran Kajian




Guru mengajar kemahiran menulis menggunakan strategi 3S (Sebelum-Sekarang-Selepas). Strategi ini memberi tumpuan kepada penjanaan idea dalam karangan serta proses menghubungkan idea antara gambar bersiri yang diberikan. Dalam menggunakan strategi 3S, guru menerapkan pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas yakni rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Ini dapat membantu murid merealisasikan idea mereka dalam bentuk penulisan.

Sebanyak sepuluh sesi pengajaran dan pembelajaran telah dijalankan selama dua penggal. Setiap sesi mengambil masa satu hingga satu jam setengah. Kajian dimulakan dengan praujian. Murid diberi masa 50 minit untuk menulis karangan gambar bersiri. Pada peringkat ini, murid belum lagi didedahkan kepada strategi 3S dan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Praujian dijalankan untuk meneliti kemampuan murid menulis sebuah karangan lengkap dengan isi yang padat. Menerusi praujian yang dilaksanakan, didapati bahawa 67% murid tidak dapat menulis karangan dengan baik kerana kurang menyeluruh dalam bahagian isi. Mereka mendapat markah antara Band 3 dan 4 bagi bahagian isi.

## Sesi Pengenalan Strategi dan Kaedah

Dalam pengajaran yang pertama, strategi 3S dan rutin berfikir 'Lihat-Fikir-Tanya' telah diperkenalkan secara terperinci kepada murid. Murid diberi peluang menjawab soalan-soalan berdasarkan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Sila lihat Jadual 2 bagi contoh soalan-soalan yang ditanyakan bagi rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya berdasarkan Gambar 1 dan 2.

**Jadual 2: Contoh Soalan dan Jawapan bagi Rutin Berfikir Lihat-Fikir-Tanya**

Gambar 1 dan 2	
	
Lihat	Apakah yang kamu lihat dalam Gambar 1?
Fikir	Fikirkan apa yang berlaku sebelum Gambar 1.
Tanya	Apakah yang berlaku antara Gambar 1 dan 2?
Gambar 2 dan 3	
Lihat	Apakah yang kamu lihat dalam Gambar 2?
Fikir	Fikirkan apa yang berlaku dalam Gambar 3.

Contoh jawapan atau respons murid berkaitan dengan soalan-soalan yang diajukan dalam portal SLS berdasarkan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya kemudiannya diteliti. Lihat Rajah 3 bagi contoh jawapan murid dalam platform SLS.



**Jadual 3: Contoh Jawapan Murid dalam SLS**

Pelajar	Lihat Apakah yang kamu lihat dalam Gambar 1?	Fikir Fikirkan apa yang berlaku sebelum Gambar 1.	Tanya Apakah yang berlaku antara Gambar 1 dan 2?
1	Ibu memanggil Budi tetapi dia tidak sempat bersarapan.	Budi bangun lewat. Dia terburu-buru siap untuk ke sekolah.	Dia berlari ke sekolah. Dia masuk ke kelas lambat dan dimarahi oleh Cikgu. Dia berasa mabuk kerana tidak makan sarapan.
2	Ali tidak makan sarapan.	Ali tidur lewat kerana asyik bermain permainan komputer.	Ali bergegas ke sekolah. Dia berlari ke perhentian bas kerana takut ketinggalan bas. Ali berpeluh-peluh. Dia sampai di kelas tepat pada masanya. Ali mula berasa lemah dan hampir rebah.

### **Sesi Pembelajaran SLS 1-4**

Pada sesi pertama, murid dibimbing untuk menyelesaikan aktiviti dalam portal SLS. Bagi sesi pembelajaran yang kedua dalam portal SLS, fasilitator memantau proses pemikiran murid melalui jawapan murid dan memberikan maklum balas kepada murid. Bagi sesi pembelajaran ketiga dan keempat dalam portal SLS, murid tidak lagi asing dengan penggunaan strategi 3S dan kaedah rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Murid dapat menyelesaikan aktiviti dalam SLS secara individu dengan lebih yakin. Proses pemikiran murid dipantau. Hasil kerja murid dipilih secara rawak untuk dibincangkan bersama-sama.

### **Sesi Pembelajaran Lembaran Lihat-Fikir-Tanya 1-3**

Setelah mendapati murid lebih yakin dan selesa menggunakan strategi 3S dan kaedah rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya, guru menjalankan pengajaran dengan menggunakan lembaran kerja Lihat-Fikir-Tanya bagi sesi pembelajaran yang kelima. Lembaran ini digunakan sebagai perancah supaya murid dapat menulis karangan yang lengkap pada masa yang ditetapkan iaitu 50 minit. Bagi sesi pembelajaran keenam dan ketujuh, murid perlu menulis sebuah karangan yang lengkap setelah menyelesaikan lembaran kerja Lihat-Fikir-Tanya.

### Rajah 3: Contoh Lembaran Kerja


<p><b>Lihat:</b> Apakah yang kamu lihat dalam <b>G1</b>? Aku dan ayah sedang berjalan di Taman Hijau.</p>	<p><b>Fikir:</b> Fikirkan apa yang berlaku sebelum <b>G1</b>. Aku dan ayah bercadang untuk bermain bola.</p>	<p><b>Lihat:</b> Apakah yang kamu lihat dalam <b>G2</b>? Bola terlepas dari genggamannya.</p>	<p><b>Fikir:</b> Fikirkan apa yang berlaku sebelum <b>G3</b>. Ayah cuba ambil kembali bola tetapi hilang kawalan...</p>
<p><b>Tanya:</b> Apakah yang berlaku antara dalam <b>G1</b> dan <b>G2</b>? Telapak tangan ayah bergetuh dan bola terlepas dari tangan ayah.</p>			<p><b>Tanya:</b> Apakah yang berlaku antara <b>G2</b> dan <b>G3</b>? Ayah teresat bahawa bola tidak di dalam genggamannya.</p>
<p><b>Nama:</b> Dewi Annastasha <b>Kelas:</b> 5C</p>	<p><b>G1</b> <b>G2</b> <b>G3</b></p>		
<p><b>Tanya:</b> Apakah yang berlaku antara <b>G4</b> dan <b>G5</b>? Aku ditangguh oleh penunggang skuter lalu teresat.</p>			<p><b>Tanya:</b> Apakah yang berlaku antara <b>G5</b> dan <b>G6</b>? Aku menangi teresak-isak apabila ditangguh oleh penunggang skuter.</p>
<p><b>Lihat:</b> Apakah yang kamu lihat dalam <b>G5</b>? Aku menangi teresak-isak. Airmata mengalir dipipiku.</p>	<p><b>Fikir:</b> Fikirkan apa yang berlaku di <b>G4</b>. Penunggang skuter itu cuba untuk mengelak dan terlanggar bola.</p>		<p><b>Lihat:</b> Apakah yang kamu lihat dalam <b>G6</b>? Aku menangi teresak-isak. Airmata mengalir dipipiku.</p>
	<p><b>Fikir:</b> Fikirkan apa yang berlaku di <b>G6</b>. Penunggang skuter meminta maaf dan mengeluarkan beg berisi plaster.</p>		<p><b>G4</b> <b>G5</b> <b>G6</b></p>

Pada akhir kajian, murid dikehendaki menulis sebuah karangan lengkap berdasarkan gambar bersiri yang sama yang digunakan semasa praujian. Murid diberi masa 50 minit untuk menyelesaikan karangan tersebut. Pada peringkat ini, murid diharapkan dapat menerapkan strategi 3S dan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya semasa menulis karangan mereka.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini telah membuktikan bahawa penggunaan strategi 3S dan kaedah rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dapat memandu murid berfikir secara mendalam untuk menjana idea bagi isi karangan. Rajah 4 memaparkan perbezaan pencapaian murid semasa praujian dan pascaujian.

Rajah 4: Perubahan Markah Praujian dan Pascaujian



Bagi praujian, murid dikehendaki menulis karangan dalam masa yang ditetapkan. Karangan murid disemak dari segi isi sahaja berdasarkan skema pemarkahan PSLE. Melalui dapatan praujian, pengkaji mendapati bahawa hanya 11 orang murid yang mendapat markah Band 1 dengan 2 manakala sebanyak 22 orang murid mendapat markah Band 3 dan 4 bagi bahagian isi. Justeru, langkah perlu diambil untuk membantu murid dalam menjana idea dan memandu mereka untuk berfikir secara mendalam.

Setelah murid diperkenalkan kepada strategi 3S dan kaedah rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya, didapati murid kini dapat menulis karangan dengan isi yang padat. Sebanyak 22 orang murid mendapat markah Band 1 dan 2 manakala 11 orang murid mendapat markah Band 3 dan 4.


Dapatan daripada praujian dan pascaujian membuktikan bahawa penggunaan strategi 3S dan kaedah rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya telah dapat membantu murid-murid dalam meningkatkan bahagian isi penulisan karangan mereka. Melalui strategi dan kaedah tersebut, murid-murid kini dapat menulis karangan lengkap dengan isi yang padat dan menyeluruh.

### Kesan pada Pembelajaran Murid

Pendekatan MTV, membolehkan murid memperlihatkan gagasan idea mereka dalam bentuk tulisan. Proses kognitif pemikiran murid dapat dilihat dengan jelas menerusi penggunaan rutin berfikir yang diperkenalkan kepada murid. Oleh itu, pengkaji boleh menyesuaikan penggunaan rutin berfikir mengikut tahap keupayaan murid. Pendekatan ini membantu murid berfikir secara teliti dan memberikan perhatian kepada apa yang berlaku antara setiap gambar. Lantas, murid dapat menghasilkan karangan yang lebih bermutu.

**Jadual 4: Borang Maklum Balas Murid**

No	Perkara	Sangat Yakin	Yakin	Kurang Yakin
1	Saya berasa selesa menggunakan portal SLS.	26	5	2
2	Saya boleh menggunakan strategi 3S dalam karangan saya.	21	10	2
3	Saya boleh menggunakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dalam karangan saya.	20	11	2
4	Kaedah dan strategi ini membantu saya menambah nilai isi karangan saya.	30	3	0



Selain daripada tinjauan yang dilakukan di atas, murid juga telah memberikan maklum balas secara lisan bahawa kaedah dan strategi ini telah membantu memperlihatkan proses pemikiran mereka sekali gus menjadikan karangan mereka lebih padat dan mampat. Kaedah dan strategi ini melatih murid untuk memikirkan tentang jurang-jurang yang terdapat antara gambar

untuk memastikan terdapat kesinambungan pada cerita yang murid hasilkan.

## KESIMPULAN

Natijahnya, strategi dan kaedah ini telah membantu murid menjana idea dengan lebih mendalam. Murid Darjah 5 perlu menulis karangan bergambar yang mempunyai enam gambar bersiri. Jika dibandingkan dengan sewaktu mereka di Darjah 4, mereka hanya perlu menulis karangan bergambar yang mempunyai empat gambar bersiri. Ini merupakan satu perubahan yang agak besar. Markah yang diperuntukkan untuk bahagian isi bagi peringkat Darjah 5 juga lebih banyak jika dibandingkan dengan peringkat Darjah 4. Oleh yang demikian, murid harus diberikan persediaan yang secukupnya supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan tersebut.

Penggunaan strategi 3S melalui rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya telah dapat membantu murid berfikir secara mendalam dan menyeluruh sebelum menulis karangan mereka. Melalui strategi tersebut, murid dilatih memikirkan isi antara gambar-gambar dalam karangan gambar bersiri. Dapatan daripada pascaujian juga telah menunjukkan bahawa strategi dan kaedah yang digunakan dalam kajian ini telah dapat membantu murid dalam penjanaan idea yang dapat menyumbang ke arah penghasilan isi karangan yang lebih padat dan berkualiti.

## RUJUKAN

Jonassen, D.H., Peck, K.L., & Wilson, B.G. (1999). *Learning with technology: A constructivist perspective*. Upper Saddle River, N.J.: Merrill

Ritchhart, R & Perkins, D. (2005). Making Thinking Visible: When learners speak, write, or draw their ideas, they deepen their cognition. Project Zero's Visible Thinking approach shows how. *Educational Leadership*, 65(5), 57-61.

<http://www.pz.harvard.edu/sites/default/files/makingthinkingvisibleEL.pdf>

Shari Tishman & Patricia Palmer. (2005). Visible Thinking. Leadership Compass 2, no. 4. <https://www.museumpng.gov.pg/wpcontent/uploads/2020/07/Resources-for-Teacher-Education-Students-Visible-Thinking.pdf>